

# **BAB SATU**

## **BAB SATU**

### **SEJARAH PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG JENAYAH ISLAM DI MALAYSIA**

#### **1.1 Pendahuluan**

Bab ini membentangkan suatu analisis mengenai sejarah awal kewujudan undang-undang jenayah Islam di Malaysia iaitu : zaman sebelum dan selepas campur tangan kuasa Inggeris ; kuasa pertama yang mencampuri hal ehwal pemerintahan dan pentadbiran di Tanah Melayu sehingga memberi kesan terhadap undang-undang Islam. Tumpuan kajian bermula dari abad ke 15 M sehinggalah zaman awal kemerdekaan Tanah Melayu yang menyaksikan perubahan drastik terhadap sistem pentadbiran undang-undang Islam dengan penggubalan Undang-undang Pentadbiran Agama Islam bagi negeri-negeri di Tanah Melayu.

#### **1.2 Perkembangan Awal Undang-undang Jenayah Islam di Tanah Melayu**

Perkembangan undang-undang Islam peringkat awal ini dapat dibahagikan kepada beberapa peringkat iaitu zaman awal Kesultanan Melayu, zaman penjajahan Portugis dan Belanda dan zaman penjajahan Inggeris. Undang-undang Islam mula wujud selepas kedatangan Islam ke Tanah Melayu, kemudiannya terus diamalkan pada zaman penjajahan Portugis dan Belanda sebelum diketepikan pada zaman penjajahan Inggeris. Kesemua peringkat zaman ini memperlihatkan perubahan dan kesan yang bukan sedikit kepada perkembangan undang-undang Islam khususnya jenayah Islam di Malaysia pada masa kini.

### **1.2.1 Sejarah Awal Kewujudan Undang-undang Islam di Tanah Melayu**

Undang-undang Islam hanya wujud di Tanah Melayu pada abad ke 15 M selepas terdirinya kerajaan Islam di Melaka walaupun Islam mula tersebar ke Tanah Melayu antara abad ke 7 M dan sebelum abad ke 14 M.<sup>1</sup> Sebelum kedatangan Islam, sistem pentadbiran dan perundangan di Tanah Melayu adalah berasaskan adat resam masyarakat tempatan yang diamal serta didominasikan dengan tradisi turun temurun Melayu-Hindu-Buddha.<sup>2</sup> Namun selepas kedatangan Islam, para pemerintah tempatan pada masa itu telah mengubahsuai hukum adat tersebut dengan ajaran Islam dan merealisasikan undang-undang Islam dalam sistem pentadbiran masyarakat mereka.<sup>3</sup> Syed Naquib al-Attas sendiri menegaskan undang-undang tradisional yang diamalkan oleh masyarakat tempatan telah mengalami proses rasionalisasi selepas kedatangan Islam dengan kemasukan prinsip-prinsip perundangan Islam dalam sistem kehidupan dan pentadbiran mereka.<sup>4</sup>

Kenyataan paling awal bagi menyokong kewujudan perundangan Islam di Tanah Melayu adalah dengan penemuan sebuah batu bersurat yang bertarikh 22hb. Februari 1303 M bersamaan 14hb. Rejab 702 Hijrah dijumpai pada 1889 M di Kuala Berang, yang menjadi asas kewujudan kerajaan Islam Terengganu pada permulaan

---

<sup>1</sup> S.Q Fatimi (1963), *Islam Comes to Malaysia*, Singapura : Malaysian Sociology Research Institute, h. 37.

<sup>2</sup> Syed Naquib Al-Attas (1969), *Preliminary Statement On a General Theory of The Islamization Of The Malay-Indonesia Archipelago*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 24. Lihat juga Abdul Jalil Borham (1994), "Kajian Teks Undang-undang Islam Terawal di Malaysia : Rujukan kepada Undang-undang Melaka dan Johor", *Jurnal Syariah*, Jil. 2 Bil. 2, Julai 1994, h. 114.

<sup>3</sup> Abu Bakar Abdullah (1986), *Ke Arah Perlaksanaan Undang-undang Islam di Malaysia; Masalah dan Penyelesaiannya*. Kuala Terengganu : Pustaka Damai, h. 2-11.

<sup>4</sup> Syed Naquib Al-Attas (1972), *Islam Dalam Sejarah Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur : T. P., h. 12.

abad ke 8 H/14 M.<sup>5</sup> Catatan tarikh pada batu bersurat itu membuktikan Terengganu merupakan negeri terawal menerima kedatangan Islam dan melaksanakan undang-undang Islam di negara ini.<sup>6</sup> Tidak dinafikan bahawa penemuan batu bersurat itu merupakan satu kesan sejarah terpenting yang menunjukkan dengan jelas mengenai kemajuan Islam di Tanah Melayu pada abad ke 14 M. Fakta sejarah sendiri membuktikan undang-undang jenayah Islam telah dilaksanakan di Terengganu seawal pemerintahan Sultan Umar (1837) apabila baginda melaksanakan hukuman rejam dan potong tangan bagi kesalahan-kesalahan hudud.<sup>7</sup>

Secara umumnya, inskripsi tersebut mengandungi beberapa catatan tentang peraturan dan undang-undang yang diamalkan oleh kerajaan Terengganu yang dilihat selaras dengan hukum syarak. Antaranya:

- i) Wajib atas muslimin patuh kepada undang-undang Tuhan kerana ia adalah perintah-perintah Allah yang Berkua lagi Mulia dan mengeluarkan hukum ini wajib di atas sekalian raja-raja muslimin untuk kebaikan negeri-negeri mereka.
- ii) Hukum yang berkaitan dengan zina
- iii) Syarat-syarat am berhubung dengan mengingkari pembayaran hutang ataupun tidak mematuhi sesuatu hukum.

Sementara itu, negeri Melaka pula muncul sebagai sebuah empayar kerajaan Islam bermula pada abad ke-15 M dengan pengislaman Raja Melaka Parameswara yang bergelar Sultan Iskandar Syah.<sup>8</sup> ‘Pengislaman’ kerajaan Melayu Melaka telah memberikan kesan yang amat besar kepada sistem pentadbiran dan perundangan di

<sup>5</sup> Misbah (1954), *Mengkaji Sejarah Terengganu*. Jil. 2, Singapura: al-Ahmadiyah Press, 1954, h. 25-26.

<sup>6</sup> Syed Naquib Al-Attas (1970), *The Correct Date of Terengganu Inscription*. Kuala Lumpur : Muzium Negara, h. 24.

<sup>7</sup> Hugh Clifford (1961), “Expedition : Terengganu and Kelantan”, *JMBRAS*, Jil. XXXIV Part 1, h. 107.

<sup>8</sup> Abdul Halim El-Muhammady (1983), *Perkembangan Undang-undang Islam Dari Zaman Rasulullah hingga Zaman Penjajahan Barat*. Petaling Jaya : Budaya Ilmu Sdn. Bhd., h. 85.

Melaka. Bentuk pemerintahan yang dahulunya berasaskan hukum adat tradisional semata-mata telah mengalami perubahan dengan penulisan teks-teks perundangan seperti Undang-undang Melaka dan Undang-undang Laut Melaka pada zaman pemerintahan Sultan Muzaffar Syah (1446-1450).<sup>9</sup> Walaupun teks-teks perundangan tersebut banyak dipengaruhi oleh hukum adat masyarakat tempatan,<sup>10</sup> tetapi para sarjana perundangan menegaskan teks-teks tersebut dominan dipengaruhi oleh unsur-unsur perundangan Islam yang berasaskan prinsip-prinsip perundangan Mazhab Syāfi'i.<sup>11</sup>

Pengkanungan undang-undang yang berasaskan prinsip perundangan Islam pada zaman Melaka ini telah mempengaruhi perkembangan dan penulisan teks-teks perundangan di negeri-negeri Melayu yang lain khususnya selepas kejatuhan empayar Kesultanan Melaka. Teks-teks perundangan seperti Undang-undang Pahang yang telah disusun semasa pemerintahan Sultan Abdul Ghafar Maha'yudin Syah (1592-1614),<sup>12</sup> Undang-undang 99 Perak yang dibawa ke negeri itu dari Hadramaut pada zaman pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Syah (1577)<sup>13</sup> dan Undang-undang Pelabuhan Dato' Seri Paduka Tuan (1667) dan Undang-undang Kedah 1893 (1311H)<sup>14</sup> yang ditulis di Kedah menjadi bukti bahawa pemerintah Islam pada zaman tersebut telah berusaha untuk mengkanunkan undang-undang Islam secara sistematis di samping rujukan yang masih berterusan terhadap adat tempatan.

<sup>9</sup> W.G. Shellabear (1896), *Sejarah Melayu*. Singapura : The Malayan Publishing House, h. 96.

<sup>10</sup> Ahmad Ibrahim dan Ahilemah Joned (1992), *Sistem Undang-undang di Malaysia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 29.

<sup>11</sup> Azizan bin Abdul Razak (1980), "The Law in Malacca Before and After Islam", dalam Khoo Kay Kim et.al (ed), *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur : Persatuan Sejarah Malaysia, h. 32.

<sup>12</sup> Ahmad Ibrahim dan Ahilemah Joned (1992), *op.cit.*, h. 45.

<sup>13</sup> Abdul Halim Nasir (1977), *Sejarah Perak*. Kuala Lumpur: Tanda Jaya, h. 177.

<sup>14</sup> R.O Winstedt, "Undang-undang Kedah", *JMBRAS*. Vol 6, Part 2, h. 8.

Secara umumnya, kandungan undang-undang yang dikenali sebagai undang-undang Melayu Lama ini merangkumi semua aspek yang bersangkutan dengan hal ehwal Islam seperti kehakiman, pentadbiran, hubungan sesama masyarakat, kesalahan sivil, jenayah, masalah ibadat dan muamalat, undang-undang keluarga, acara dan keterangan.<sup>15</sup> Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa peruntukan undang-undang tersebut bukan sahaja mengandungi prinsip hukum syarak tetapi turut memperuntukkan aspek-aspek alternatif berkaitan adat tradisi masyarakat tempatan terutamanya dalam aspek jenayah. Ini menggambarkan sikap pemerintah Islam pada masa itu yang masih meraikan adat tradisi masyarakat tempatan dan tidak terlalu ketat terhadap perundangan Islam sesuai pada peringkat awal perkembangannya.

Oleh itu, jelas bahawa kewujudan undang-undang Islam pada zaman awal ini menjadi petanda wujudnya tamadun Islam di Tanah Melayu dan juga bukti bahawa undang-undang Islam pernah diamalkan sejak zaman Kesultanan Melayu dan selepasnya di beberapa negeri Melayu lain sebelum kedatangan penjajah Eropah terutamanya British.<sup>16</sup> Ini bersesuaian dengan penghakiman Hakim Braddle C.J.C dalam kes *Shaik Abdul Latif dan lain-lain lwn. Shaik Elias Bux*<sup>17</sup> yang menjelaskan bahawa satu-satunya undang-undang yang dipakai kepada orang-orang Melayu sebelum kedatangan pentadbir British ialah undang-undang Islam yang telah diubahsuai oleh adat tempatan.

<sup>15</sup> Muhammad Yusof Hashim (1989), *Kesultanan Melayu Melaka*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 206.

<sup>16</sup> Abdullah Alwi Hassan (2000), "Pertumbuhan Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia", dalam Mohd Taib Osman *et. al.* (ed), *Tamadun Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 126.

<sup>17</sup> (1915) I F.M.S.L.R. 204.

## **1.2.2 Peruntukan Undang-undang Jenayah Islam Dalam Undang-undang Melayu Lama**

Seperti yang dijelaskan sebelum ini, teks undang-undang Melayu Lama yang dikanunkan pada zaman Kesultanan Melayu hampir keseluruhannya mengandungi peruntukan mengenai jenayah Islam. Dalam bahagian ini, penulis akan mengemukakan peruntukan undang-undang jenayah Islam dalam beberapa teks undang-undang Melayu Lama seperti Undang-undang Melaka, Undang-undang Pahang dan Undang-undang Kedah. Peruntukan undang-undang jenayah Islam yang terawal dicatatkan adalah pada Batu Bersurat Terengganu 1303 M yang antara lainnya memperuntukkan mengenai hukuman zina dan kepatuhan kepada pemerintah.

Secara umumnya, peruntukan-peruntukan berkaitan dengan undang-undang jenayah Islam dalam Undang-undang Melaka meliputi empat bahagian iaitu qisas,<sup>18</sup> hudud,<sup>19</sup> takzir<sup>20</sup> dan diyat.<sup>21</sup> Penguatkuasaan hukumannya adalah berlandaskan hukum syarak berdasarkan kenyataan teks itu sendiri yang antara lain menyebut "...mengikut hukum Allah" atau "...mengikut dalil Allah" dan "... pada hukum Tuhan". Contohnya dalam penguatkuasaan hukuman bagi kesalahan qisas seperti

---

<sup>18</sup> Qisas ialah persamaan antara kesalahan dengan balasan kesiksaan dari segi hukuman . Lihat al-Syirāzī (t.t), *al-Muhadhdhab*, j. 2. Mesir: Matba'ah 'Isā al-Bābī ăl-Ḥalabī wa Syurakuhu, h. 172.

<sup>19</sup> Hudud ialah hukuman yang telah ditentukan oleh Allah (s.w.t) dan RasulNya. Kesalahan dan hukumannya tidak boleh dipinda. Ia meliputi kesalahan zina, mencuri, merompak sambil membunuh, murtad, pemberontakan, *qadhf* dan minum arak. Lihat 'Abdul Qādir 'Awdah (1998), *al-Tasyrī 'al-Jinā'i al-Islāmi': Muqāranan Bī' al-Qānūn al-Wad'i*, j. 1 cet. 5. Beirut : Muassasah al-Risālah, h. 343-345.

<sup>20</sup> Takzir ialah kesalahan yang tidak ditentukan hukumannya oleh al-Quran dan al-hadith. Ianya diserahkan kepada budi bicara pemerintah untuk menentukannya. Lihat al-Māwardī (1328H), *al-Aḥkām al-Sultāniyyah wa al-Wilāyah al-Dīniyyah*. Kaherah: al-Sa' ādah, h. 205.

<sup>21</sup> Diyat ialah gantirugi (tort) dalam bentuk harta yang dikenakan dengan sebab sesuatu kesalahan jenayah ke atas diri seseorang atau lainnya. Lihat Ahmad Fatḥī Bahnāsi (1967), *al-Diyah fī al-Syar'i ah al-Islāmiyyah*. Mesir: Maktabah al-Miṣriyyah, h. 9.

membunuh, peruntukan mengenainya hanya dikuatkuasakan kepada mereka yang melakukan jenayah membunuh sekiranya sabit kesalahannya. Fasal 5 : 3 memperunktukkan bahawa "...pada hukum Allah yang membunuh itu dibunuh juga hukumnya kerana menurut dalil al-Quran dan menurut *amr bi'l ma'rūf wa nahy 'ani'l-munkar...*". Peruntukan ini adalah bertepatan dengan hukuman kesalahan qisas dalam undang-undang jenayah Islam sebagaimana firman Allah :

وَكَتَبْنَا عَلَيْهِمْ فِيهَا آنَّ الْنَّفْسَ بِالنَّفْسِ

Surah al-Mā'idah (5) : 45.

Maksudnya :

"Dan kami telah tetapkan ke atas mereka di dalamnya (Taurat), bahwasanya jiwa di balas dengan jiwa".<sup>22</sup>

Peruntukan hukuman hudud dalam Undang-undang Melaka melibatkan jenayah zina, *qadhf*, mencuri, murtad, minum arak, merompak dan menderhakai pemerintah yang adil (*al-Baghy*). Hukuman jenayah zina adalah berdasarkan ketetapan syarak di mana orang yang telah berkahwin (*muhsan*) direjam sampai mati dan bagi yang belum berkahwin (*ghayr muhsan*) disebat seratus kali.<sup>23</sup> Peruntukannya dinyatakan dalam fasal 40 : 1 iaitu "...bermula maka yang *muhsan* itu dihukum direjam dan dilontar dengan batu hingga mati. Maka *ghair muhsan* hadnya didera seratus kali palu, dibuangkan keluar negeri itu setahun lamanya". Begitu juga bagi kesalahan mencuri, diperunktukkan dalam fasal 7 : 2 bahawa "... adapun pada hukum Allah, orang yang mencuri itu tiada harus dibunuh melainkan

<sup>22</sup> Terjemahan ayat-ayat al-Quran dalam penulisan disertasi ini adalah berdasarkan Sheikh Abdullah Basmeih (1995), *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: BAHEIS, Jabatan Perdana Menteri.

potong tangan ...". Peruntukan ini jelas selaras dengan firman Allah (s.w.t) di dalam al-Quran :

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقةُ فَاقْطُعُوا أَيْدِيهِمَا جَزَاءً بِمَا كَسَبُوا نَكَلًا مِنَ اللَّهِ  
وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Surah al-Mā''idah (5) : 38.

Maksudnya :

"Dan orang lelaki yang mencuri dan orang perempuan yang mencuri maka (hukumannya) potonglah tangan mereka sebagai satu balasan dengan sebab apa yang telah mereka usahakan, (juga sebagai) suatu hukuman pencegah dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana."

Kesalahan *qadhf* dijelaskan dalam fasal 12 : 3 yang memperuntukkan hukuman mengikut syarak dan alternatif adat tempatan serta membezakan hukuman antara orang yang merdeka dengan hamba iaitu;

"Adapun akan hukum orang yang menuduh orang zinah itu, pada hukum Allah didera delapan puluh kali deranya. Jikalau pada hukum Kanun didera sepuluh tahlil. Jikalau pada hukum Kanun didenda sepuluh tahlil. Jikalau yang dituduh itu abdi, didenda dua tahlil sepha atau setengah harganya. Jikalau ada sungguh tuduhnya itu, suatupun tiada lagi hukumnya atas yang menuduh itu. Demikianlah menuduh anak hamba orang zinah itu setengah harganya juga dendanya".

Bagi kesalahan murtad, Undang-undang Melaka memperuntukkan hukuman yang selaras dengan hukum syarak sebagaimana yang dinyatakan dalam fasal 36 : 1 iaitu "...apabila seseorang Islam itu murtad, disuruh ia taubat tiga kali. Jikalau tiada ia mau taubat dibunuh pada hukum Allah harusnya dan janganlah dimandikan dan

---

<sup>23</sup> *al-Quran*, al-Nūr: 2.

jangan disembahyangkan dan jangan ditanamkan pada kubur Islam". Begitu juga bagi kesalahan minum arak, tuak dan minuman yang memabukkan, hukumannya diperuntukkan dalam fasal 42 iaitu : "Barangsiapa minum arak atau tuak atau minum barang minuman yang memabukkan: jikalau merdehika empat puluh kali palu didera akan dia; jikalau abdi dua puluh kali deranya".

Undang-undang Melaka turut memperuntukkan hukuman bagi kesalahan merompak sehingga menyebabkan kematian, hukumannya dinyatakan dalam fasal 43 : 6 iaitu "...bermula jikalau orang itu merampas, jikalau harga sekeping picis sekalipun dengan nama rampas juga. Jikalau dibunuh orang yang kena rampas itu, mati saja, kerana penyamun namanya itu. Adapun rampas itu sedikit pun sama, banyak pun sama...".

Bagi kesalahan menderhakai pemerintah yang adil (*al-Baghy*), peruntukan hukumannya tidak dinyatakan dengan jelas dalam Undang-undang Melaka. Apa yang diperuntukkan hanyalah perintah supaya para menteri bersikap adil dalam pemerintahan untuk mengelakkan penderhakaan rakyat jelata. Ia terdapat dalam fasal 43 : 2;

"...Bermula pada segala menteri dan sida-sida dan bala tentera sekalian itu, hendaklah seperti firman Allah taala dalam al-Quran itu, hendaklah diturut *amr bi'l ma'rūf wa nahi 'ani'l-munkar..*". Inilah yang dikerjakan oleh segala menteri dan segala yang memegang pekerjaan ini, Hendaklah kamu pagi-pagi hari duduk di balai, karena segala hamba Allah banyak diserahkannya pada segala raja-raja dan menterinya....karena jikalau raja itu adil sekalipun, jikalau tiada menterinya dan segala hakimnya melakukan dia, tiada akan dapat berlaku adilnya itu...".

Sementara itu, hukuman diyat dalam Undang-undang Melaka diperuntukkan bagi kesalahan seperti pembunuhan tidak sengaja, kerosakan harta benda dan binatang. Bagi kesalahan pembunuhan tidak sengaja, Undang-undang Melaka mengenakan hukuman mewajibkan pembunuhan membayar kesemua perbelanjaan bagi urusan kematian mangsa dan kadar tersebut mestilah dipersetujui oleh wali atau waris si mati. Ini kerana pembunuhan itu dilakukan dengan tidak sengaja dan kerana mangsa yang terbunuh itu mencampuri urusan pembunuhan yang tiada kena mengena dengan urusannya (mangsa) yang dikenali sebagai *fadūlī*. Peruntukan dijelaskan dalam fasal 16 : 3 iaitu

“Adapun akan hukum orang *fadūlī* itu, jikalau sahabat itu mati ia, adalah segala belanjanya mati itu daripada sahabat yang ditolong itu, seperti kain kapannya dan daripada belanja orang menyembahyangkannya yang ditolong itu juga. Demikianlah adatnya. Dan jikalau ia luka, upah obatnya itupun daripada sahabat yang ditolong itu juga sekaliannya.”

Bagi hukuman takzir, kesalahan yang diperuntukkan dalam Undang-undang Melaka adalah merangkumi kesalahan-kesalahan yang digugurkan hukum hudud.<sup>24</sup> Antara kesalahan-kesalahan yang boleh dikenakan takzir adalah seperti bercumbu-cumbuan dan memfitnah orang. Kesalahan bercumbu-cumbuan diperuntukkan dalam fasal 40 : 2 iaitu “...bermula hukum liwat dan menyertai binatang seperti hukum zinah juga. Jikalau tiada setubuh sehingga peluk cium juga, dita’zirkan oleh hakim”. Sementara hukuman memfitnah orang dijelaskan dalam fasal 41 iaitu “...bermula yang memaki itu hamba orang, maka dipalu empat puluh kali akan dia. Bermula apabila sama abdi atau kafir, hadkan orang yang memaki itu hingga dita’zirkan oleh hakim”.

<sup>24</sup> Muhammad al-Syarbīnī al-Khatīb (1957), *Mughnī al-Muṭṭāj*, j. 4. Mesir: Syarikah Maktabah wa Maṭba’ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabi, h. 191-192.

Secara amnya, peruntukan-peruntukan dalam Undang-undang Melaka tersebut menjadi bukti pelaksanaan prinsip undang-undang jenayah Islam yang maksimum oleh pemerintah Islam pada zaman tersebut. Walaupun tidak dinafikan, terdapat juga percampuran antara hukum syarak dan adat tradisi masyarakat tempatan dalam Undang-undang Melaka tersebut. Buktinya, Undang-undang Melaka turut memberi kelonggaran dan alternatif kepada hakim atau kadi dalam menjatuhkan hukuman sama ada berdasarkan hukum syarak atau hukum adat. Contohnya, peruntukan alternatif berkenaan jenayah zina di dalam fasil 12 : 3:

“Adapun tiada dapat ia menangkap dan mengagahi orang. Jikalau ada orang merdeka yang ditangkapnya itu, maka lalu diwati’nya perempuan itu, maka diberinya tahu kepada hakim, maka dipanggil oleh hakim, disuruh kahwinkan. Jikalau tiada ia mahu kahwin, didenda tiga tahil sepha dengan isi kahwinnya adat hamba raja. Adapun pada hukum Allah (s.w.t), jikalau ia *muhsan* direjam, jikalau *ghair muhsan* dipalu delapan puluh palu dengan hukum dera. Itulah hukumnya dengan tiada bersalah lagi”.

Contoh lain adalah bagi kesalahan menuduh orang melarikan isterinya, terdapat alternatif bagi hukuman kesalahan tersebut iaitu sama ada mengikut hukum syarak atau hukum adat. Namun didapati hukuman adat lebih berat iaitu hukum bunuh berbanding hukuman mengikut syarak iaitu pesalah dikehendaki bertaubat daripada perbuatan tersebut;

“Adapun jikalau menuduh orang mengambil isteri orang, maka menang yang dituduh itu, dibunuh orang yang menuduh itu, kerana hukum mengambil isteri orang itu, mati hukumnya. Jikalau tiada dibunuh, didenda sepuluh tahil sepha. Di dalam pada itu, melainkan syafa’at segala hakim juga kerana hukumnya mati. Adapun kepada hukum Allah tiada demikian, hanya disuruhkan hakim bersumpah atau bertaubat daripada perbuatan itu. Demikianlah hukum Allah”.

Peruntukan alternatif antara hukum syarak dan hukum adat dalam Undang-undang Melaka dianggap bersesuaian pada zaman tersebut kerana ia adalah peringkat

awal kedatangan Islam. Pengaruh tempatan dan tradisi masyarakat tidak dapat dihapuskan lagi dan sekaligus ia telah mempengaruhi penggubalan undang-undang pada masa itu.

Peruntukan undang-undang jenayah Islam turut terkandung dalam teks Undang-undang Melayu Lama negeri-negeri yang lain seperti Undang-undang Pahang dan Undang-undang Kedah. Walau bagaimanapun, penggubalan undang-undang selepas Undang-undang Melaka tidak begitu banyak dipengaruhi dengan adat tradisi mahupun hukuman alternatif antara hukum syarak dengan adat. Ini berpunca dari faktor perundangan Islam yang semakin mantap sesuai dengan zaman penggubalan undang-undang tersebut yang bukan lagi pada peringkat awal kedatangan Islam.

Undang-undang Pahang adalah undang-undang tertua selepas Undang-undang Melaka yang disusun dalam tahun 1596 untuk Sultan 'Abdu'l-Ghafur Muhyud-Din Syah (1592 – 1616) dan dikuatkuasakan ke atas semua rakyat Pahang, termasuklah orang bukan Islam.<sup>25</sup> Undang-undang jenayah yang diperuntukkan adalah berkaitan hukum qisas dalam fasal 47 dan diyat dalam fasal 48. Hukum hudud pula diperuntukkan bagi kesalahan zina (fasal 49), liwat (fasal 50), minnum arak (fasal 52), menyamun (fasal 54) dan meninggalkan sembahyang (fasal 60). Semua hukuman takzir diperuntukkan dalam fasal 51. Hukuman bagi kesalahan zina dalam fasal 49 adalah selaras dengan hukum syarak dan peruntukan hukuman dalam Undang-undang Melaka, cuma sedikit keras dengan adanya tambahan menanam pesalah sehingga paras pinggang iaitu "...bermula yang muhsin

<sup>25</sup> John E. Kempee dan R.O Winstedt (1948), "A Malay Legal Digest Compiled For Abdul Ghafur Mahyuddin Shah 1592, *JMBRAS*, Vol. 21, Part 1, h. 1 – 67.

itu hukumnya direjam di lontar dengan batu dan ditanamkan hingga pinggang dan pada suatu riwayat hingga leher...bermula yang tiada muhsin itu, hukumnya dipalu seratus, maka dibuangkan daripada negeri itu satahun lamanya”.

Sementara itu, dalam Undang-undang Kedah 1311 H bersamaan 1893 M<sup>26</sup>, ia memperuntukkan 4 fasal mengenai jenayah Islam iaitu fasal 5 (membunuh), fasal 7 (murtad), fasal 8 (mencuri) dan fasal 12 (melarikan tunangan orang). Dalam fasal 5 diperuntukkan hukuman qisas bagi kesalahan membunuh orang iaitu “...hukum perselisihan isi negeri berbunuh-bunuhan, adapun hukum Allah tiap-tiap yang membunuh itu dibunuh juga balasannya...”.

Walaupun penulis hanya mengemukakan peruntukan undang-undang jenayah dalam Undang-undang Melaka, Undang-undang Pahang dan Undang-undang Kedah, sebenarnya banyak lagi peruntukan mengenai jenayah Islam dalam undang-undang Melayu Lama negeri-negeri yang lain seperti Undang-undang Johor dan Undang-undang 99 Perak. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa negeri-negeri di Tanah Melayu telah mempunyai undang-undang jenayah Islam secara teratur bersesuaian dengan kehendak syarak. Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan peruntukannya tidaklah secara menyeluruh kerana masih dipengaruhi adat tradisi masyarakat Melayu. Namun ia sudah cukup bagi membuktikan kewujudan peruntukan undang-undang jenayah Islam di peringkat awal perkembangannya di Tanah Melayu.

---

<sup>26</sup> Undang-undang Kedah yang ditulis oleh Kodin b. Komis (1311H), kandungan dalam K/PU 1, Arkib Negara Malaysia.

### **1.2.3 Kedudukan Undang-undang Islam Pada Zaman Pemerintahan Portugis dan Belanda**

Empayar Kesultanan Melaka telah dikuasai oleh penjajah seawal tahun 1511 apabila angkatan tentera laut Portugis yang diketuai oleh Alfonso de Alburquerque berjaya menewaskan Melaka pada tahun tersebut. Kuasa Portugis kemudiannya telah menguasai pemerintahan Melaka sehingga tahun 1641.<sup>27</sup> Seterusnya, pada tahun 1641, Belanda telah menakluki Melaka daripada Portugis selama 130 tahun sebelum menyerahkannya kepada British pada tahun 1795. Namun, penguasaan British di Melaka pada masa itu adalah sementara sahaja kerana pada tahun 1818, British menyerahkannya kembali kepada Belanda sehingga tahun 1824 apabila secara rasmi Melaka diserahkan kepada British melalui persetujuan kedua pihak dalam Perjanjian Inggeris-Belanda 1824.<sup>28</sup>

Pada zaman penjajahan tersebut, Portugis dan Belanda masing-masing telah membentuk sistem pemerintahan dan pentadbiran negara yang tersendiri. Kedua-duanya melantik Gabenor untuk mentadbir Melaka dengan dibantu oleh sebuah Majlis yang terdiri daripada pentadbir-pentadbir dalam bidang-bidang yang tertentu seperti kehakiman, kewangan, pentadbiran dan pertahanan.<sup>29</sup> Walaupun keadaan ini seolah-olah mengambarkan campur tangan kedua-dua kuasa ini dalam sistem pentadbiran orang-orang tempatan, tetapi mereka sebenarnya tidak pernah mencampuri malah tidak berminat untuk menganggu undang-undang diri (*personal law*) orang-orang tempatan.

<sup>27</sup> G.R Crone (1972, *The Discovery Of The East*, London : Hamish Hamilton, h. 64.

<sup>28</sup> Khoo Kay Kim et.al. (1992), *Malaysia Warisan dan Perkembangan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 76.

<sup>29</sup> Ahmad Ibrahim dan Ahilemah Joned (1992), *op.cit.*, h. 13-14.

Oleh sebab itulah, kedudukan undang-undang Islam di Melaka sekaligus di Tanah Melayu tidak terjejas sepanjang penaklukan mereka.<sup>30</sup> Ini kerana, mereka kurang berminat untuk campur tangan dalam sistem undang-undang diri (*personal law*) yang telah sedia ada di Melaka pada masa itu. Sebaliknya mereka lebih menumpukan perhatian kepada matlamat utama penaklukan mereka iaitu mengaut keuntungan hasil perdagangan dan mengembangkan agama serta kemegahan kuasa.<sup>31</sup>

Maka hasilnya, Portugis telah menyerahkan pentadbiran keadilan masyarakat tempatan termasuk orang-orang Islam kepada ketua-ketua kaum secara bebas dan melaksanakan undang-undang mereka hanya kepada orang-orang Portugis.<sup>32</sup> Begitu juga yang berlaku pada zaman penjajahan Belanda di mana Belanda telah meneruskan dasar yang sama mereka amalkan di tanah jajahan Jawa iaitu membiarkan masyarakat tempatan dengan undang-undang mereka sendiri. Oleh itu, di Melaka, Belanda telah membenarkan masyarakat tempatan mengamalkan undang-undang sendiri termasuklah undang-undang Islam sementara mereka menggunakan undang-undang Belanda berdasarkan *Colonial Statutes* kepada penduduk berbangsa Eropah sahaja.<sup>33</sup>

Ini bermakna, penjajahan Portugis dan Belanda tidak memberi kesan kepada peruntukan dan pengamalan undang-undang Islam pada masa itu. Sebaliknya, apa yang diperuntukkan dalam Undang-undang Melayu Lama pada zaman Kesultanan Melayu masih boleh diamalkan secara bebas sebagai undang-undang diri bagi orang-

<sup>30</sup> Wu Min Aun (1972), *An Introduction To The Malaysian Legal System*, Singapura : Heineman Educational Books (Asia) Ltd., h. 4.

<sup>31</sup> J. Kathirithamby Wells (1983), "Dutch Malacca and The Malay World", dalam Asmad (ed), *Dokumentasi Seminar Sejarah Melaka*, Melaka : Kerajaan Negeri Melaka, h. 151.

<sup>32</sup> Ahmad Ibrahim dan Ahilemah Joned (1992), *op.cit.*, h. 14.

<sup>33</sup> *Ibid*, h. 15.

orang Islam. Keadaan ini berterusan sehingga Inggeris memperkenalkan undang-undangnya menerusi Piagam Pertama pada tahun 1807 di Pulau Pinang.<sup>34</sup>

#### **1.2.4 Kedudukan Undang-undang Islam Selepas Kedatangan Inggeris**

Permulaan kedatangan Inggeris ke Tanah Melayu adalah di Kedah dengan kedatangan Francis Light pada tahun 1771 pada masa pemerintahan Sultan Muhammad Jiwa.<sup>35</sup> Sultan Kedah pada masa itu telah meminta bantuan Syarikat Hindia Timur Inggeris untuk mengukuhkan kedudukannya di Kedah akibat masalah perebutan takhta dan serangan daripada tentera Bugis. Sebagai balasannya, Kedah memberi kebenaran kepada Inggeris membina gudang di pelabuhan Kuala Kedah.<sup>36</sup>

Pada tahun 1778, Sultan Muhammad Jiwa telah mangkat dan diganti oleh puteranya, Sultan Abdullah. Tidak banyak masalah timbul dan tiada kekacauan dalaman pada awal pemerintahannya kecuali apabila berlakunya pergolakan antara Burma dan Siam yang dikhuatir tercetusnya perang seingga menggugat Kedah pada tahun 1785.<sup>37</sup> Oleh kerana bimbang berlakunya perang dan Kedah akan dipaksa membantu Siam, Sultan Abdullah telah meminta bantuan Inggeris dalam bentuk kewangan dan ketenteraan dan sebagai balasannya bersetuju menyerahkan Pulau Pinang kepada Inggeris yang ketika itu di bawah jajahan takluk Kedah.<sup>38</sup>

<sup>34</sup> Ahmad Ibrahim (1992), *Towards A History Of Law In Malaysia and Singapore*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1. dan lihat M.B Hooker (1991), *Undang-undang Islam di Asia Tenggara*. Rohani Abdul Rahim et.al.(terj.), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 99.

<sup>35</sup> Khoo Kay Kim (1992), *op.cit.*, h. 74.

<sup>36</sup> *Ibid*, h. 75.

<sup>37</sup> R. Bonney (1971), *Kedah 1771 – 1821, The Search For Security and Independence*, Singapura : Oxford University Press, h. 60.

<sup>38</sup> Sharifah Suhana Ahmad (1999), *Malaysian Legal System*, Kuala Lumpur : Malayan Law Journal Sdn. Bhd., h. 5.

Berikut itu, Francis Light telah membuat petempatan di Pulau Pinang pada 29 Jun 1786 walaupun perjanjian antara Sultan Kedah dengan Inggeris masih belum ditandatangani kerana Syarikat Hindia Timur Inggeris tidak bersetuju terhadap beberapa syarat yang dikemukakan oleh Sultan Kedah.<sup>39</sup> Sehinggalah pada tahun 1791, apabila tentera Kedah tewas kepada Inggeris dalam percubaannya untuk mendapatkan semula Pulau Pinang dan memaksa Sultan Kedah berdamai dengan Inggeris. Satu perjanjian telah ditandatangani antara Sultan Kedah dengan Inggeris pada 1 Mei 1791 mengenai penyerahan Pulau Pinang. Dengan perjanjian tersebut, Pulau Pinang secara rasmi diduduki oleh Syarikat Hindia Timur Inggeris.<sup>40</sup> Perjanjian tersebut membuktikan bahawa Raja Melayu yang sebenarnya mencetuskan usaha campur tangan Inggeris di Tanah Melayu.

Kedatangan Inggeris kemudiannya menjadi titik tolak kepada campur tangan meluas kuasa asing dalam pentadbiran termasuk aspek undang-undang. Pada peringkat awal pendudukannya di Pulau Pinang, Inggeris tidak cuba mengembangkan pengaruh undang-undangnya sebaliknya mengarahkan pegawai-pegawai Inggeris yang dihantar ke sana pada tahun 1800 mengekalkan peraturan dan undang-undang yang sedia diamalkan oleh penduduk tempatan pada masa itu.<sup>41</sup> Oleh kerana timbul kekecohan dalam mentadbir keadilan penduduk tempatan yang berbilang kaum dan bangsa dan juga persoalan mengenai apakah *lex loci* Pulau Pinang pada masa itu, ia memaksa Inggeris memperkenalkan Piagam Keadilan Pertama pada 25 Mac 1807 yang membawa bersamanya rujukan terhadap undang-undang Inggeris dengan tertubuhnya Mahkamah Keadilan di Pulau Pinang. Dengan

<sup>39</sup> Khoo Kay Kim, *op.cit.*, h. 75.

<sup>40</sup> L.A Mills (1960), *British Malaya 1824 – 1867*, Selangor : MBRAS, h. 35.

<sup>41</sup> Leonard Wray (1874), *Settlements On The Straits Of Malacca*, London : Unwin Brothers Printers, h. 13.

itu, secara beransur-ansur Inggeris telah mengenepikan rujukan terhadap undang-undang Islam yang digunakan sebelum ini.<sup>42</sup>

Kesan kemasukan Piagam Pertama terhadap undang-undang Islam dapat dilihat dengan jelas dalam kes-kes yang melibatkan orang Islam di mana penyelesaian kes-kes bagi orang-orang Islam diputuskan di mahkamah-mahkamah Inggeris berdasarkan undang-undang mereka. Kes *Fatimah dan lain-lain lwn. Logan dan lain-lain*<sup>43</sup> adalah bukti kepada situasi selepas tahun 1807. Dalam kes ini, isunya adalah mengenai undang-undang manakah yang perlu dipakai untuk menentukan kesahan wasiat yang dibuat oleh si mati yang meninggalkan wasiat di Pulau Pinang. Mahkamah memutuskan bahawa kesahan wasiat itu mesti diputuskan mengikut undang-undang Inggeris walaupun Peguam Negara yang mewakili plaintiff berhujah bahawa sebelum piagam tahun 1807, undang-undang Islam terpakai di Pulau Pinang dan tiada sebarang perubahan selepas piagam. Keputusan dibuat oleh Hakim Hackett yang menjelaskan bahawa:

“...sama ada ketika penempatan pulau itu ataupun jika tidak ketika itu, oleh piagam tahun 1807, undang-undang Inggeris telah diperkenalkan di Pulau Pinang dan telah menjadi undang-undang negeri itu...”

Begitu juga dalam kes *In The Goods of Abdullah*,<sup>44</sup> isunya adalah sama ada seorang Islam yang telah meninggal dunia di Pulau Pinang, boleh atau tidak membahagikan keseluruhan hartanya dengan cara wasiat? Menurut undang-undang Islam, seseorang Islam hanya boleh mewasiatkan satu pertiga daripada hartanya. Mahkamah telah memutuskan berdasarkan undang-undang Inggeris bahawa

<sup>42</sup> Salleh Buang (1996), *Sejarah Undang-undang Malaysia; Kes dan Material*, Asiah Mohd Yusof (terj.), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 6.

<sup>43</sup> (1871) 1 Ky. 255.

<sup>44</sup> (1835) 2 Ky. Ec. 8.

sescorang Islam boleh melupuskan keseluruhan hartanya melalui wasiat walaupun ia jelas bertentangan dengan undang-undang Islam.

Keputusan kes-kes tersebut dibuat kesan daripada Piagam Pertama 1807 yang telah membawa masuk bersamanya undang-undang Inggeris termasuklah dalam memutuskan kes-kes sivil yang melibatkan orang-orang Islam. Ia menunjukkan dengan jelas bahawa undang-undang Islam semakin hilang kepentingannya dan hanya digunakan untuk aspek-aspek yang berkaitan kekeluargaan dan perkara-perkara keagamaan serta dalam keadaan supaya tidak berlaku kezaliman sewaktu melaksanakan undang-undang Inggeris.

Seterusnya, Inggeris telah membuka penempatannya di Singapura pada tahun 1819 melalui perjanjian yang ditandatangani antara Stamford Raffles, Sultan Hussein dan Temenggung Abdul Rahman dengan balasan perlindungan dan sokongan Syarikat Hindia Timur kepada Sultan dan Temenggung.<sup>45</sup> Sementara itu, Melaka secara rasminya dikuasai oleh Inggeris pada tahun 1824 melalui Perjanjian Inggeris – Belanda. Dengan penguasaan ketiga-tiga negeri ini, Inggeris telah menyatukan negeri-negeri tersebut sebagai Negeri-negeri Selat dan memperkenalkan Piagam Keadilan Kedua pada tahun 1826 yang meluaskan kuasa Mahkamah Keadilan *Prince of Wales Island* ke Singapura dan Melaka bagi memudahkan sistem pentadbiran keadilan di negeri-negeri tersebut mengikut undang-undang Inggeris.<sup>46</sup> Seterusnya, Piagam Keadilan ketiga diperkenalkan pada tahun 1855 bertujuan untuk menyusun semula mahkamah yang sedia ada tanpa membawa undang-undang

<sup>45</sup> Sharifah Suhana Ahmad, *op.cit.*, h. 5.

<sup>46</sup> Ahmad Ibrahim dan Ahilemah Joned, *op.cit.*, h. 18.

Inggeris.<sup>47</sup> Ini bermakna, pengaruh undang-undang Inggeris ke Negeri-negeri Selat adalah melalui Piagam Pertama dan Kedua yang sekaligus telah menyingkirkan undang-undang Islam dalam teks Undang-undang Melayu Lama sebelum ini..

Campur tangan Inggeris terhadap sistem pentadbiran di negeri-negeri Melayu secara rasmi bermula pada 20 Januari 1874 dengan termeterainya Perjanjian Pangkor.<sup>48</sup> Walaupun pada tahun 1771, Inggeris telah membuat perjanjian dengan Sultan Kedah, tetapi perjanjian tersebut tidak memberi kesan kepada campur tangan Inggeris dalam pentadbiran Kedah pada masa itu, sebaliknya hanyalah membenarkan Inggeris membuka pelabuhan di Kuala Kedah dan sokongan ketenteraan sahaja. Seterusnya, diikuti dengan perjanjian campur tangan di Selangor tahun 1875, Perjanjian 1889 di antara pembesar Negeri Sembilan dengan Inggeris dan Perjanjian 1887 di antara Sultan Pahang dengan Inggeris.<sup>49</sup>

Dengan perjanjian-perjanjian campur tangan tersebut, negeri-negeri tersebut telah menerima kemasukan Residen Inggeris yang bertanggungjawab menasihati Raja-raja Melayu dalam semua urusan pentadbiran termasuk perundangan dan kehakiman kecuali yang berkaitan dengan adat dan istiadat Melayu serta aspek kekeluargaan Islam.<sup>50</sup> Oleh sebab itulah, aspek undang-undang diri orang-orang Islam dan hal ehwal keagamaan tidak dipengaruhi oleh undang-undang Inggeris berbanding aspek jenayah, kontrak, tanah dan sebagainya. Ini bersesuaian dengan

---

<sup>47</sup> *Ibid*, h. 19.

<sup>48</sup> Khoo Kay Kim, *op.cit.*, h. 86.

<sup>49</sup> Emily Sadka (1968), *The Protected Malay States 1874 – 1895*, Kuala Lumpur : University Of Malaya Press, h. 47.

<sup>50</sup> Frank Swettenham (1948), *British Malaya, An Account Of The Origin And Progress Of British Influence In Malaya*, London : George Allen And Unwin Ltd., h. 217.

dasar penjajah meletakkan segala urusan berkaitan keagamaan dan adat di bawah kuasa Raja-raja Melayu dan urusan pemerintahan di bawah kuasa mereka.

Seterusnya, pengaruh Inggeris diperluaskan lagi ke Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu iaitu di Kelantan (1910), Terengganu (1919), Kedah (1923), Perlis (1930) dan Johor (1914).<sup>51</sup> Sementara itu, bagi mendapatkan kuasa penuh dalam sistem pentadbiran negeri, Inggeris juga menubuhkan Majlis Mesyuarat Negeri (*State Council*) yang terdiri daripada Raja dan pembesar negeri serta turut dianggotai oleh wakil Inggeris. Fungsi Majlis ini adalah bagi mengemas kini dan mengawal selia urusan pentadbiran yang mesti dikendalikan mengikut sistem pentadbiran yang diperkenalkan oleh Inggeris.<sup>52</sup>

Undang-undang yang dilaksanakan di negeri-negeri Melayu ini secara umumnya adalah sama seperti yang diamalkan di Negeri-Negeri Selat dengan sedikit penyesuaian agar ia selari dengan suasana tempatan dan tidak membawa kezaliman kepada masyarakat tempatan.<sup>53</sup> Di negeri-negeri Melayu ini, Inggeris turut menubuhkan Mahkamah Keadilan Sivil berdasarkan undang-undang Inggeris dengan diadili oleh hakim-hakim Inggeris. Penubuhan Mahkamah Keadilan ini telah mengehadkan bidang kuasa Mahkamah Kadi atau Syariah hanya kepada kes-kes matrimoni atau kekeluargaan sahaja. Lebih-lebih lagi selepas penggubalan Mohammedan Marriage Ordinance 1880 di negeri-negeri Selat yang bertujuan mengatur hal ehwal perkahwinan dan perceraian orang-orang Islam melalui perlantikan kadi dan menguatkuaskan pendaftaran. Manakala bidang kuasa

<sup>51</sup> Rupert Emerson (1964), *Malaysia : A Study In Direct and Indirect Rules*. Kuala Lumpur: University Of Malaya Press, h. 236-247.

<sup>52</sup> Abu Bakar Abdullah (1986), *op.cit.*, h. 114-132.

<sup>53</sup> Ahmad Ibrahim dan Ahilemah Joned, *op.cit.*, h. 19.

Mahkamah Keadilan Inggeris diperluaskan kepada bidang muamalat, jenayah, kontrak, tanah dan sebagainya yang merujuk kepada prinsip *Common Law* England dan Kaedah Ekuiti.<sup>54</sup>

Penerimaan secara langsung terhadap undang-undang Inggeris oleh negeri-negeri Melayu hanya berlaku dengan penggubalan Enakmen Undang-undang Sivil 1937.<sup>55</sup> Penguatkuasaan enakmen ini dianggap telah merasmikan pemakaian undang-undang Inggeris di negeri-negeri tersebut. Seterusnya pemakaiannya diperluaskan ke Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu pada tahun 1951 sebelum ia diganti dengan Ordinan Undang-undang Sivil 1956 yang mengiktiraf pemakaian *Common Law* England dan Kaedah Ekuiti di seluruh Persekutuan Tanah Melayu. Ini dibuktikan melalui peruntukan dalam seksyen 3 Ordinan tersebut :

“Dari tarikh Ordinan ini berkuatkuasa, maka pihak mahkamah hendaklah menerima pakai *Common Law of England* dan rukun-rukun ekuiti sebagaimana yang dilaksanakan di England. Oleh itu segala undang-undang bertulis yang berkuatkuasa di Negeri-negeri Melayu Bersekutu atau negeri-negeri yang lain akan diganti terima pakai dengan undang-undang yang tersebut. Ia dilakukan dengan syarat bahawa *Common Law* dan rukun-rukun Ekuiti hanya diterima pakai sekiranya keadaan di Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan di Negeri-negeri Selat serta penduduk memerlukannya. Pemakaian undang-undang tersebut adalah berdasarkan keperluan tempatan”.

Kesannya, penguatkuasaan undang-undang tersebut telah mengenepikan sama sekali rujukan terhadap undang-undang Islam dalam aspek pentadbiran dan undang-undang. Sebaliknya, kesan penjajahan Inggeris telah meninggalkan undang-undang Islam dalam skop yang sangat terhad dan sempit hanya dalam aspek undang-undang diri (*personal law*) dalam aspek kekeluargaan dan hal ehwal keagamaan sahaja.

<sup>54</sup> M.B Hooker (1980), *Islamic Law In South East Asia*. Singapore: Oxford University Press, h. 85-86.

<sup>55</sup> Mahmood Zuhdi Abd. Majid (1997), *Pengantar Undang-undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya, h. 56.

Memang tidak dinafikan, semasa penjajahan Inggeris, banyak undang-undang moden yang bersifat Eropah-Islam telah digubal di negeri-negeri Melayu mengandungi peraturan-peraturan pentadbiran hal ehwal Islam termasuklah dalam aspek perundangan jenayah Islam. Namun, undang-undang ini hampir keseluruhannya tidak mempunyai banyak ciri-ciri keislaman tulin, sebaliknya banyak dipengaruhi oleh undang-undang pentadbiran Inggeris.

### **1.2.5 Penggubalan Undang-undang Jenayah Bagi Orang-orang Islam Pasca Piagam Keadilan**

Merujuk kepada pelaksanaan undang-undang jenayah di Tanah Melayu pada masa itu, jelas banyak perubahan telah dibuat oleh Inggeris dalam usahanya untuk menguatkuaskan undang-undang jenayah dalam bentuk undang-undang Inggeris atau teks undang-undang Eropah – Islam khususnya selepas Inggeris memperkenalkan Piagam Keadilan pada tahun 1807, 1826 dan 1855 di Negeri-negeri Selat.<sup>56</sup> Kesannya, skop undang-undang jenayah Islam telah dibataskan pemakaianya hanya kepada orang-orang Islam dan dalam bidang undang-undang diri sahaja (*personal law*). Penguatkuasaannya adalah melalui penggubalan statut dalam bentuk undang-undang Inggeris atau yang lebih dikenali sebagai undang-undang Inggeris bagi hal ehwal diri orang-orang Islam.<sup>57</sup>

Secara umumnya, tujuan utama Inggeris menggubal undang-undang tersebut adalah untuk menguatkuaskan hukuman bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh orang Islam berkaitan aspek kerohanian dan keagamaan sahaja. Antara undang-

<sup>56</sup> Abdullah Alwi Hassan, *op.cit.*, h. 158.

<sup>57</sup> M.B Hooker (1970), *Reading in Malay Adat Law*. Singapore: University Malaya Press, h. 85.

undang yang terawal digubal Inggeris adalah undang-undang yang berkaitan dengan hukuman zina iaitu *Adultery by Muhammadan* yang dikuatkuasakan di Perak pada tahun 1894.<sup>58</sup>

Sementara di Selangor undang-undang mengenai pencegahan zina ini dikenali sebagai Undang-undang Mencegah Berzina Tahun 1894 (*The Prevention of Adultery Registration 1894*).<sup>59</sup> Undang-undang ini adalah yang pertama dikanunkan di negeri Selangor. Diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor pada 26hb. September, 1894 dan undang-undang ini hanya berkuatkuasa untuk orang Islam sahaja.<sup>60</sup> Mengikut undang-undang ini, seorang lelaki yang melakukan perhubungan jenis dengan seorang perempuan yang telah bersuami adalah bersalah dan boleh dihukum dua tahun penjara dan setahun penjara bagi perempuan dan dikenakan denda.<sup>61</sup> Dalam menguatkuasakan undang-undang ini, Mahkamah Kadi hanya akan bertindak sekiranya aduan rasmi dibuat oleh suami perempuan itu ataupun oleh penjaganya semasa ketiadaan suaminya.<sup>62</sup>

Kemudian, kerajaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu telah menguatkuasakan *The Muhammadan Laws Enactment 1904* yang mengandungi peruntukan-peruntukan hukuman terhadap orang-orang Islam yang melakukan kesalahan-kesalahan tertentu.<sup>63</sup> Pindaan-pindaan telah dibuat ke atas undang-undang ini untuk

<sup>58</sup> Perintah No. 1/1894.

<sup>59</sup> Lihat : *Federated Malay States, State and Federal Law (Index) 1877-1934*, Kuala Lumpur : Federated Malay States Press, 1935.

<sup>60</sup> Seksyen 2, Undang-undang Mencegah Zina Selangor 1894.

<sup>61</sup> Seksyen 3, Undang-undang Mencegah Zina Selangor 1894.

<sup>62</sup> (Kerajaan Negeri Selangor), <http://www.selangor.gov.my> , (30 November 2000).

<sup>63</sup> Perak : Enakmen No. 2 /1904, Selangor : Enactment No. 3 /1904, Negeri Sembilan : Enakmen No. 6.1904 dan Pahang : Enakmen No. 2.1904.

mengemaskinikannya sehingga ia diganti dengan *The Muhammadan Laws Enactment, Chapter 198 of The Revised Law of the Federated Malay States 1935*.

Seterusnya, *The Muhammadan Laws of the Federated Malay States 1935* dimansuh dan diganti dengan penggubalan undang-undang yang berasingan di setiap negeri iaitu *Enactment Muhammadan (Offences) 1938* yang dikuatkuasakan di Selangor dan Pahang, *The Muhammadan (Offences) Order in Council 1938* di Negeri Sembilan dan *The Muhammadan (Offences) Enactment 1919* di Perak.

Selain itu, Inggeris turut memperkenalkan statut jenayah di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu. Di Kelantan, *The Notice of Muhammadans: Prohibition of Intoxicating Liquor and Rules of Fasting 1915*<sup>64</sup> telah dikuatkuasakan bagi menghukum orang Islam yang minum arak dan tidak berpuasa. Begitu juga penguatkuasaan *The Notice of The Prohibition of Teaching of Muhammadan Religion of Delivering Fatwa by Unauthorised Persons and Required of Ask the Majlis Approval of 1917*<sup>65</sup> iaitu undang-undang berkaitan kesalahan pengajaran agama tanpa mendapat kebenaran Majlis Agama Islam Kelantan.

Sementara di Kedah pula, digubal “Undang-undang Mahkamah Syariah 1337 (1918),<sup>66</sup> yang mengandungi peruntukan kesalahan jenayah selain kekeluargaan dan harta. Seterusnya, Johor menguatkuasakan *The Offences by Muhammadan Enactment 1919*<sup>67</sup> dan di Terengganu pula dilaksanakan Hukum Kerana Tidak

<sup>64</sup> Notis No. 12 Tahun 1915.

<sup>65</sup> Enakmen No. 45/1917.

<sup>66</sup> Enakmen No. 9/1918.

<sup>67</sup> Enakmen No. 25/1919.

Menunaikan Sembahyang Jumaat 1922<sup>68</sup> dan Undang-undang Tegahan Berkhalwat pada tahun 1923.<sup>69</sup> Begitu juga dengan penguatkuasaan undang-undang di Terengganu yang melarang orang Islam makan dan minum pada siang hari bulan Ramadan.<sup>70</sup>

Pelaksanaan undang-undang Inggeris bagi hal ehwal orang-orang Islam khususnya dalam aspek jenayah terus terpakai sehinggalah Inggeris menggubal Kanun Keseksaan yang terpakai secara umum di Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1935. Penggubalan Kanun ini dianggap sebagai menggantikan rujukan terhadap undang-undang jenayah Islam di dalam teks perundangan Islam seperti Hukum Kanun Melaka. Penguatkuasaan undang-undang jenayah tersebut adalah merujuk kepada undang-undang jenayah yang digubal dan dilaksanakan di India iaitu *The Indian Penal Code Act. XLV (45) Of 1860* yang digubal oleh Suruhanjaya undang-undang India. Undang-undang ini adalah berasaskan undang-undang jenayah Inggeris, India dan peraturan-peraturan *dari Livingstone's Louisiana Code* dan *Napolean Code*. Kanun Kesiksaan ini kemudiannya diperluaskan pemakaianya di Tanah Melayu pada 1948.<sup>71</sup>

Secara amnya, usaha-usaha yang dilakukan oleh Inggeris dalam menguatkuasakan undang-undang mereka bukan sahaja telah mengenepikan undang-undang Islam tetapi membataskannya hanya dalam bidang kuasa yang sempit iaitu berhubung dengan bidang kekeluargaan, keagamaan, akhlak dan undang-undang diri

<sup>68</sup> Enakmen No. 29/1922.

<sup>69</sup> Enakmen No. 3 / 1923.

<sup>70</sup> Enakmen No. 18/ 1934.

<sup>71</sup> Abdullah Alwi Hj. Hassan (1988), "Perlaksanaan Undang-undang Islam di Negeri-negeri di Malaysia", dalam Mahmood Zuhdi Abdul Majid (ed.), *Ke Arah Merealisasikan Undang-undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur : Thinkers Library, h. 94.

orang-orang Islam sahaja. Begitupun, Inggeris secara keseluruhannya tidaklah menolak bahawa undang-undang Islam pernah diiktiraf dan dilaksanakan sebagai undang-undang asas negara sebagaimana yang diputuskan dalam kes *Ramah Iwn. Laton*.<sup>72</sup> Walaupun jelas, penggubalan undang-undang bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan orang-orang Islam itu hanya mengikut acuan dan corak yang telah ditetapkan oleh Inggeris dengan memasukkan unsur-unsur pentadbiran dan memansuhkan hukuman yang berdasarkan hukum syarak seperti yang diperuntukkan dalam undang-undang Melayu Lama zaman Kesultanan Melayu dahulu..

### **1.3 Perkembangan Undang-undang Jenayah Islam pada Zaman Awal Kemerdekaan**

Perkembangan undang-undang Islam di Malaysia mengalami perubahan dari zaman awal kemerdekaan sehingga ke hari ini. Ia bukanlah hasil kesinambungan sejarah yang pernah menyaksikan kegemilangan pelaksanaan undang-undang Islam pada zaman Kesultanan Melayu dahulu. Malah, apa yang ada pada hari ini adalah hasil daripada campur tangan kuasa Inggeris terhadap sistem pentadbiran dan perundangan negara yang memberi kesan kepada kedudukan Islam hasil daripada penggubalan Perkara 3(1) dalam Perlembagaan Persekutuan. Seterusnya, memberi kesan kepada perkembangan undang-undang jenayah Islam yang terbatas kepada peruntukan berikut:

“mengadakan dan menghukum kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang yang menganut ugama Islam terhadap rukun-rukun Islam, kecuali mengenai perkara-perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan”.<sup>73</sup>

<sup>72</sup> [1927] 6 F.M.S.L.R. 127.

<sup>73</sup> Perlembagaan Persekutuan, Jadual Kesembilan, Senarai Dua - Senarai Negeri, Butiran Satu.

juga Perkara 121 yang memperuntukkan kuasa kehakiman Persekutuan terletak pada sebuah Mahkamah Agong dan mana-mana mahkamah bawahannya. Tidak dinyatakan langsung kedudukan Mahkamah Syariah di dalam Perkara 121 tersebut, kecuali peruntukan mengenai kuasa eksklusif Mahkamah Syariah sebagai mahkamah negeri dalam bidang kuasa undang-undang Islam selepas pindaan (1A) dalam perkara tersebut pada tahun 1988.

Selain itu, Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan yang mentafsirkan undang-undang juga tidak memasukkan secara jelas undang-undang Islam sebagai sebahagian dari undang-undang yang terpakai di dalam Perlembagaan. Mengikut peruntukan tersebut :

“Undang-undang termasuklah undang-undang bertulis, *Common Law* setakat mana ianya berkuatkuasa dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya dan apa-apa adat atau kelaziman yang mempunyai kuat kuasa undang-undang dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya”.

Tafsiran sebegini menunjukkan secara jelas bahawa Perlembagaan Persekutuan tidak mengiktiraf undang-undang Islam sebagai undang-undang negara walaupun diberi kedudukan yang istimewa sebagai agama bagi Persekutuan. Malahan Perlembagaan adalah undang-undang tertinggi negara sebagaimana peruntukan dalam Perkara 4 (1);

“Perlembagaan adalah undang-undang utama bagi Persekutuan dan apa-apa undang-undang lain yang diluluskan selepas hari Merdeka yang berlawanan dengan Perlembagaan ini hendaklah terbatal setakat yang berlawanan itu”.

Kesan peruntukan 3(1) dalam Perlembagaan ini telah mengehadkan pemakaian bidang kuasa jenayah Islam. Dalam Jadual Sembilan Senarai Dua Senarai Negeri, pelaksanaan undang-undang Islam hanya dihadkan ke atas orang-orang Islam sahaja dan kuasa diberikan kepada Badan Perundangan Negeri. Badan Perundangan Negeri pula hanyadiberi kuasa mengadakan peruntukan berkaitan kesalahan-kesalahan yang setakat diberikan oleh Undang-undang Persekutuan. Kesalahan-kesalahan yang dimaksudkan pula hanyamelibatkan kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang Islam yang bertentangan dengan ajaran agama Islam.

Justeru, keadaan ini telah mewujudkan dualisme dalam sistem pentadbiran undang-undang jenayah Islam khususnya dalam sistem kehakiman yang melibatkan bidang kuasa jenayah Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah. Undang-undang jenayah di bawah Persekutuan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Jadual Sembilan Senarai Satu Senarai Persekutuan diletakkan di bawah bidang kuasa Mahkamah Sivil. Semua orang di Malaysia termasuklah orang-orang Islam adalah tertakluk kepada undang-undang jenayah dan hukuman yang diperuntukkan dalam Kanun Keseksaan (*Penal Code Act 574*). Perkara 2 dalam bab 1 memperuntukkan :

“Semua orang boleh dikenakan seksaan di bawah kanun ini dan tidak di bawah mana-mana undang-undang lain bagi setiap perbuatan ketinggalan yang berlawanan dengan peruntukan yang dilaksanakan dalam Persekutuan”.

Sementara, undang-undang jenayah Islam diletakkan di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Dalam melaksanakan bidang kuasanya, Mahkamah Syariah terikat kepada kadar hukuman yang sangat terhad dan sempit dalam Akta Mahkamah

Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 iaitu menjatuhkan hukuman penjara tidak lebih enam bulan atau denda tidak lebih seribu ringgit atau kedua-duanya. Walau bagaimanapun, bidang kuasa hukuman ini telah ditambah pada tahun 1984 dengan pindaan ke atas Akta tersebut. Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 1984 memperuntukkan hukuman penjara tidak melebihi tiga tahun, denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau sebatan tidak melebihi enam kali sebatan atau gabungan mana-mana hukuman tersebut;

*"Provided that such jurisdiction shall not be exercised in respect of any offence punishable with imprisonment for a term exceeding three years or with any fine exceeding five thousand ringgit or with whipping exceeding six strokes or with any combination thereof".<sup>77</sup>*

### **1.3.2 Penggubalan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri di Malaysia**

Pada peringkat awal kemerdekaan iaitu dalam tahun 1950-an, terdapat perubahan yang drastik dalam perkembangan undang-undang Islam di Malaysia bermula dengan penggabungan semua bidang kuasa pentadbiran Islam di bawah satu undang-undang pentadbiran agama Islam. Dengan itu, semua negeri di Malaysia telah menggubal Enakmen Pentadbiran Agama Islam (selepas ini disebut sebagai EPAI) yang memuatkan semua aspek perundangan Islam di bawah bidang kuasa negeri seperti undang-undang keluarga dan undang-undang pentadbiran termasuklah juga kesalahan-kesalahan jenayah syariah setakat yang dibenarkan oleh Perlembagaan Persekutuan dalam statut negeri masing-masing.

<sup>77</sup> Muslim Courts (Criminal Jurisdiction) (Amendment) Act 1984, seksyen 2.

Tujuan penggubalan undang-undang pentadbiran tersebut adalah untuk menyelaraskan pentadbiran undang-undang Islam di seluruh negeri supaya lebih sistematik dan kemas. Selain itu, ia juga bagi memberi tumpuan kepada aspek penguatkuasaan undang-undang substantif Islam seperti kekeluargaan, pewarisan dan kesalahan-kesalahan takzir yang dilakukan orang-orang Islam. Justeru, undang-undang tersebut adalah berbeza dengan undang-undang yang digubal oleh Inggeris bagi hal ehwal orang-orang Islam pada zaman penjajahan yang lebih memberi penekanan kepada aspek pentadbiran semata-mata.

Undang-undang pentadbiran induk yang terawal digubal ialah Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor No. 3 tahun 1952 yang mula dikuatkuasakan pada 5 Disember 1952.<sup>78</sup> Enakmen ini adalah undang-undang yang pertama memperuntukkan semua bidang kuasa pentadbiran Islam iaitu undang-undang keluarga, penubuhan dan bidang kuasa institusi pentadbiran Islam seperti Majlis Agama Islam dan Mahkamah Syariah serta peruntukan kesalahan dan hukuman terhadap salahlaku dan pelanggaran agama bagi orang-orang Islam.

Selain undang-undang tersebut, enakmen-enakmen pentadbiran lain yang digubal antara tahun 50-an sehingga akhir tahun 70-an di semua negeri-negeri di Malaysia adalah seperti berikut:

1. Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Terengganu 1955
2. Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Pahang 1956
3. Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Melaka 1959

---

<sup>78</sup> Ahmad Ibrahim dan Ahilemah Joned (1992), *op.cit.*, h. 52.

4. Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Pulau Pinang 1959
5. Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri Sembilan 1960
6. Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Kedah 1962
7. Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Perlis 1964
8. Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Perak 1965
9. Undang-undang Mahkamah Syari'yah dan Hal Ehwal Perkahwinan Islam Kelantan dan Undang-undang Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1966
10. Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Sabah 1977
11. Ordinan Majlis Islam (Penubuhan) Sarawak
12. Enakmen Pentadbiran Ugama Islam Johor 1978
13. Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Wilayah Persekutuan 1974.

Kesemua undang-undang pentadbiran yang digubal oleh negeri-negeri ini memperuntukkan mengenai kesalahan jenayah syariah dan hukumannya di dalam bahagian “kesalahan-kesalahan” yang berasingan daripada bahagian perundungan yang lain.<sup>79</sup> Peruntukan kesalahan tersebut juga terhad dan terbatas hanya dalam bentuk kesalahan yang melibatkan kewajipan agama seperti meninggalkan solat Jumaat, makan di siang hari dalam bulan Ramadan dan melanggar akhlak Islam seperti berkhawlwat, berzina dan sebagainya. Peruntukannya sangat sempit dan tidak

<sup>79</sup> Lihat misalnya Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Kedah 1962, Bahagian X seksyen 142-169, Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Pulau Pinang 1959, Bahagian IX seksyen 142-167 dan Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Perlis 1964, Bahagian XI seksyen 110-133.

merangkumi semua aspek kesalahan jenayah syariah, sementara bentuk hukuman yang dikenakan juga sangat ringan kerana tertakluk kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965.<sup>80</sup>

Sepanjang pelaksanaannya, undang-undang pentadbiran yang dikuatkuasakan di negeri-negeri ini juga telah mengalami pelbagai pindaan berkaitan dengan urusan mengemaskini pentadbiran undang-undang Islam. Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor sendiri telah dipinda sebanyak sembilan kali iaitu pada tahun 1959, 1960, 1961, 1966, 1972, 1979, 1982, 1983 dan 1984<sup>81</sup> sehinggalah penggubalan Enakmen Perundangan Islam Selangor No. 2 tahun 1989 yang lebih kemas dan sistematik berkaitan urusan pentadbiran Islam sahaja dengan mengasingkan bidang kuasa undang-undang Islam yang lain dalam enakmen berasingan yang lebih khusus dan terperinci.

Negeri-negeri lain juga membuat pindaan yang sama terhadap undang-undang pentadbiran mereka. Melaka umpamanya, meminda dan mengubahsuai enakmen pentadbirannya sebanyak sembilan kali antara tahun 1966 sehingga 1984<sup>82</sup>, Terengganu sebanyak lapan kali pindaan antara tahun 1957 sehingga 1986<sup>83</sup> dan Kedah membuat pindaan pada tahun 1963, 1965, 1971, 1975, 1976, 1980 dan 1984.<sup>84</sup> Pindaan-pindaan yang dibuat terhadap undang-undang tersebut bertujuan untuk

<sup>80</sup> Abdul Halim El-Muhammady (1998), *Undang-undang Jenayah Dalam Islam dan Enakmen-enakmen Negeri*. Bangi : UKM, h. 167.

<sup>81</sup> Enakmen No. 3/1952, pindaan No. 4/1960, no 7/1961, No. 8/1962, No. 8/1966, No. 11/1972, No. 3/1979, No. 5/1982, No. 9/1983 dan No. 3/1984.

<sup>82</sup> Enakmen No. 1/1959, pindaan No. 3/1966, No. 8/1971, No. 1/1974, No. 8/1981, No. 3/1982, No. 7/1982, No. 2/1983, No. 5/1984.

<sup>83</sup> Enakmen No. 3/1952, pindaan No. 161/1957, No. 9/1963, No. 2/1964, No. 5/1974, No. 4/1975, No. 11/1980 dan No. 4/1981.

<sup>84</sup> Enakmen No. 9/1962, pindaan No. 1/1963, No. 8/1965, No. 3/1971, No. 4/1971, No. 11/1975, No. 9/1976, No. 6/1980 dan No. 6/1984.

mengemaskini dan menambah peruntukan-peruntukan yang bersesuaian dengan situasi semasa dan keadaan masyarakat.

Jelas, perkembangan yang wujud bermula pada tahun 1952 hingga tahun-tahun 80-an ini adalah merujuk kepada penggubalan undang-undang yang lebih sistematik dan kemas kini dengan menggabungkan kesemua bidang undang-undang Islam setakat yang dibenarkan oleh undang-undang Persekutuan dalam satu perundangan termasuklah bidang kuasa jenayah syariah. Bagaimanapun, undang-undang ini masih terhad pemakaianya sebagaimana pada zaman penjajahan Inggeris dahulu. Bahkan, pentadbiran keadilan jenayah syariah juga dihadkan kepada Mahkamah Syariah yang sangat terbatas bidang kuasa dan pelaksanaan hukumannya, berbanding bidang kuasa Mahkamah Awam yang lebih luas dan eksklusif.

#### **1.4 Kesimpulan**

Perbincangan penulis dalam bab satu memperlihatkan pelaksanaan undang-undang Islam khususnya undang-undang jenayah telah mengalami perubahan drastik mengikut zaman perkembangannya. Fakta sejarah telah membuktikan undang-undang jenayah Islam pernah mencapai status kegemilangannya pada zaman Kesultanan Melayu dengan penganungan undang-undang Islam yang pertama pada zaman tersebut iaitu Undang-undang Melaka yang berteraskan hukum syarak mengikut aliran mazhab Syāfi'i, diikuti kodifikasi undang-undang berteraskan syarak dan adaptasi adat tempatan oleh negeri-negeri Melayu yang lain. Namun, situasi ini berubah dengan kedatangan penjajah Inggeris. Campur tangan Inggeris dalam usahanya memperluaskan kuasa dalam sistem pentadbiran dan perundangan telah

mengenepikan undang-undang Islam terutama dalam bidang kuasa jenayah sehingga lama kelamaan undang-undang jenayah bagi orang-orang Islam telah hilang kewibawaannya dan begitu banyak dipengaruhi dengan undang-undang Inggeris.

Hasilnya, wujudlah apa yang dapat ditafsirkan daripada peruntukan dalam Perkara 3 (1) Perlombagaan Persekutuan. Peruntukan ini dengan jelas membuktikan undang-undang Islam bukan lagi undang-undang rasmi dan asas bagi negara ini. Oleh itu, tidak dapat dinafikan bahawa penaklukan Inggeris telah memberi impak yang besar bukan sahaja kepada sistem perundangan negara malahan kepada sistem pentadbiran keadilan jenayah iaitu Mahkamah Syariah dalam menguatkuasakan bidang kuasa jenayahnya. Justeru, bab seterusnya akan membincangkan mengenai struktur dan bidang kuasa Mahkamah Syariah sebagai medium utama pentadbiran keadilan jenayah Islam.